

Kes HFMD naik 32 kali ganda

82,846 kes dilaporkan setakat 4 Jun berbanding 2,485 kes dalam tempoh sama tahun lepas

KUALA LUMPUR

Sejumlah 82,846 kes penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) dilaporkan hingga hari terakhir minggu epidemiologi (ME) 22/2022 (4 Jun) yang menyaksikan peningkatan sebanyak 32 kali ganda berbanding 2,485 kes bagi tempoh sama tahun lepas.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jika dibandingkan jumlah kes sebanyak 30,489 bagi tempoh sama pada 2019 iaitu sebelum pandemik Covid-19, ia menunjukkan peningkatan sebanyak 1.7 kali ganda.

Beliau berkata, kes yang dilaporkan di seluruh negara bagi ME 22/2022 adalah 16,954 kes, menurun 9.3 peratus berbanding 18,688 pada ME 21/2022.

Dr Noor Hisham berkata, hingga 4 Jun, Selangor menyumbang jumlah kes tertinggi iaitu sebanyak 23,305 kes (28.13

peratus), diikuti Kuala Lumpur dan Putrajaya 9,540 kes (11.52 peratus), Perak 8,032 kes (9.7 peratus), Kelantan 5,782 kes (6.98 peratus) dan Johor 5,234 kes (6.32 peratus).

"Kes HFMD banyak berlaku dalam kalangan kanak-kanak berumur enam tahun ke bawah iaitu sebanyak 74,841 kes (90 peratus), diikuti kumpulan umur tujuh hingga 12 tahun dengan 6,520 kes (lapan peratus) manakala selebihnya berumur lebih 12 tahun iaitu 1,485 kes (dua peratus)," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Dr Noor Hisham berkata, berdasarkan survelan jenis virus (enterovirus) penyebab HFMD di Malaysia, tiga virus utama yang menyebabkan penularan HFMD dalam komuniti pada tahun ini adalah Enterovirus 71 (EV71), Cocksackie A6 (CA6) dan Cocksackie A16 (CA16).

Beliau berkata, terdapat tiga kes HFMD yang dimasukkan ke unit rawatan rapi (ICU) dengan kes pertama dan kedua dimasukkan kerana mengalami komplikasi radang otak (encephalitis) dan masih di bawah pemantauan rapi di ICU manakala kes ketiga

telah sihat dan dibenarkan pulang pada 31 Mei lepas.

Sehingga kini, sebanyak 1,746 wabak dilaporkan di Malaysia dengan tiga negeri tertinggi mencatatkan kejadian wabak ialah Kuala Lumpur dan Putrajaya iaitu 562 wabak (32.2 peratus), diikuti Selangor 208 wabak (11.9 peratus) dan Sarawak 206 wabak (11.8 peratus).

"Majoriti lokasi penularan wabak berlaku di taska, tabika, tadika dan prasekolah iaitu 1,059 wabak (61 peratus) diikuti oleh rumah persendirian dengan 605 wabak (35 peratus) dan juga pusat jagaan kanak-kanak sebanyak 56 wabak (tiga peratus)," katanya.

Wabak dikira apabila terdapat dua atau lebih kes dalam satu lokaliti dan kes mempunyai kaitan epidemiologi serta berlaku dalam tempoh inkubasi penyakit HFMD.

Menurut Dr Noor Hisham, setakat 4 Jun, sebanyak 1,346 premis taska/tadika/tabika/prasekolah telah ditutup meliputi 305 premis yang ditutup secara sukarela dan 1,041 premis ditutup di bawah Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit



DR NOOR HISHAM

PENTINGNYA SARINGAN KESIHATAN KANAK-KANAK



1 Bagi mengesan gejala penyakit berjangkit termasuk penyakit tangan, kaki & mulut (HFMD)

3 Saringan kesihatan penting kerana:

Premis terlibat menghimpunkan ramai kanak-kanak

Kanak-kanak adalah kumpulan rentan:

- Terutamanya umur bawah setahun
- Sistem imuniti belum matang

Ada kanak-kanak belum pernah dijangkiti penyakit berjangkit lazim seperti:

- HFMD
- Jangkitan saluran pernafasan atas (URTI)

Terdapat kanak-kanak belum lengkap vaksin rutin di bawah Program imunisasi Kebangsaan

2 Dilakukan terutamanya di pintu masuk premis seperti:

Taska / tadika / tabika

Pra-sekolah

Pusat asuhan

Pusat pembelajaran kanak-kanak

4 Bagi memastikan kanak-kanak yang demam / cirit / ruam:

Tidak dibenarkan masuk ke premis

- Boleh kurangkan risiko jangkitan kepada kanak-kanak lain

Dihantar ke fasiliti kesihatan oleh ibu bapa untuk pemeriksaan & rawatan lanjut

Diasingkan di bilik khas untuk elak penularan jangkitan

PERKEMBANGAN TERKINI KES HFMD

65,535 kes dilaporkan (setakat 28 Mei 2022)

3 kes dimasukkan ke ICU
2 kes komplikasi radang otak (encephalitis) & dijangkiti Enterovirus 71 (EV71)

1 kes untuk pemantauan selepas pembedahan perut (Dipindahkan ke wad pembedahan biasa pada 27 Mei 2022)

1,174 taska / tadika / tabika ditutup sementara (setakat 29 Mei 2022)

228 tutup secara sukarela

946 tutup dibawah Akta 342

ICU - wad rawatan rapi
Akta 342 - Akta Pencegahan & Kawalan Penyakit Berjangkit 1988

Sumber: Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah

Ditertbitkan: 31 Mei 2022
Infografik Bernama

1988.

Sementara itu, beliau menyeru ketua jabatan dalam perkhidmatan awam untuk mengambil berat berkenaan

kemudahan cuti menjaga anak yang dijangkiti HFMD dan mengambil tanggungjawab dalam membantu kerajaan menangani penularan kes itu. - Bernama